



**GARIS PANDUAN
PERTANDINGAN VIDEO PENDEK
“ASPIRASI KARAKTER MURID JOHOR (KrMJ)”
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI JOHOR 2019**

1. MAKLUMAT PERTANDINGAN

- 1.1. Pertandingan Video Pendek Aspirasi Karakter Murid Johor (KrMJ) Peringkat Negeri Johor Tahun 2019 bertujuan mencungkil kreativiti dalam menyebarkan nilai-nilai murni dan mesej pengajaran serta memberi inspirasi ke arah pembangunan nilai dan sahsiah murid-murid di negeri Johor.
- 1.2. Pertandingan ini bermula pada **15 April sehingga 30 Jun 2019**.
- 1.3. Tema Pertandingan adalah **“Sebarkan Kegembiraan, Serlahkan Kasih-Sayang, Semarakkan Amalan Hormat-Menghormati”**

2. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- 2.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua murid sekolah di negeri Johor yang berumur 10 hingga 19 tahun mengikut kategori berikut:

Kategori I (10 - 12 tahun)
Kategori II (13 - 15 tahun)
Kategori III (16 – 19 tahun)

- 2.2 Penyertaan adalah **PERCUMA**
- 2.3 Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan dengan mendapat pengesahan pihak sekolah tetapi hanya **satu penyertaan** sahaja yang layak untuk memenangi hadiah pertandingan.
- 2.4 Penyertaan dikemukakan secara individu atau berkumpulan (maksima 10 orang) dalam kategori umur yang sama. Borang penyertaan hendaklah diisi dengan lengkap (**rujuk borang penyertaan**)
- 2.5 Genre terbuka seperti sketsa, animasi, drama, komedi dan dokumentari
- 2.6 Peserta dan pelakon **di bawah umur 18 tahun** yang terlibat dalam penghasilan video perlu mengisi Borang Keizinan Ibu Bapa/Penjaga (**rujuk borang kebenaran ibu bapa**)
- 2.7 Setiap team produksi terdiri daripada maksima 10 orang (tidak termasuk pelakon)
- 2.8 Kos penyediaan video adalah ditanggung sepenuhnya oleh peserta

- 2.9 Tema dan tajuk Konsep Video adalah berdasarkan tema “**Sebarkan Kegembiraan, Serlahkan Kasih-Sayang, Semarakkan Amalan Hormat-Menghormati**”

Skop 1 : Amalan dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni

Menggambarkan usaha murni dan amalan dalam meningkatkan adab dan penghayatan nilai-nilai murni bagi memupuk pengembangan personaliti sendiri (*character*) dari aspek budi bahasa, sikap penyayang, kesedaran sivik, kekemasan diri serta ketepatan masa bagi melahirkan perwatakan murid Johor yang berketrampilan dan terpuji.

Skop 2 : Disiplin/ Jati Diri/ Kesedaran Sivik dan Semangat Patriotik

Menggambarkan usaha dan amalan dalam memupuk disiplin diri, pembinaan jati diri, peningkatan kesedaran sivik dan semangat cinta akan negara bagi melahirkan murid yang berdisiplin dan warga negeri Johor yang patriotik

Skop 3 : Kegembiraan, Kasih-Sayang dan Saling Hormat-Menghormati

Menggambarkan usaha-usaha dan amalan dalam menyebarkan kegembiraan, kasih sayang dan saling-hormat menghormati contohnya antara guru dengan murid, murid sesama murid, warga sekolah, ibu bapa dan komuniti berlainan bangsa/kaum serta agama dalam mewujudkan suasana sekolah yang aman, harmoni dan sejahtera. Rasa hormat-menghormati akan melahirkan perasaan kasih sayang dan menyerlahkan kegembiraan.

Skop 4 : Minda Sihat dan Positif

Menggambarkan usaha dan inisiatif bagi mengekalkan, mengurus mengembangkan dan mempromosikan kesejahteraan diri, pengurusan emosi yang sihat serta pemikiran yang positif.

Skop 5 : Kesukarelawanan

Menggambarkan inisiatif dalam melaksanakan aktiviti kesukarelawanan dan usaha mempromosikan kerja-kerja amal dan kebajikan.

3 ISI KANDUNGAN VIDEO

- 3.1 Menyampaikan mesej-mesej pengajaran
- 3.2 Memaparkan pandangan dan pemahaman tentang skop yang dipilih
- 3.3 Menonjolkan nilai-nilai murni, kesedaran sivik, jati diri dan semangat patriotik yang boleh dicontohi
- 3.4 Menepati tema yang telah ditetapkan
- 3.5 Menyalurkan idea dalam bentuk positif dan kreatif

- 3.6 Karya yang dihasilkan menggambarkan kreativiti peserta, mengandungi nilai-nilai murni dan tidak boleh mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti perkauman, kebudayaan, keagamaan, politik dan pemimpin.
- 3.7 Tempoh klip video adalah **berdurasi 3 hingga 5 minit**. Tempoh ini termasuk montaj dan kredit/ penghargaan (Kerajaan Negeri Johor, JPN Johor, PPD, sekolah, mana-mana agensi terlibat dan lain-lain).
- 3.8 Peserta boleh menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris atau kedua-duanya sekali.
- 3.9 Hasil karya hendaklah sesuai untuk diterbitkan dan dipaparkan dalam pelbagai bentuk media video. Format yang dibenarkan adalah AVI, WMV, MOV, FLV dan MP4. Resolusi maksimum video yang dihantar adalah video HD - 720p.
- 3.10 Setiap penyertaan mestilah merupakan kerja asal/ asli.
- 3.11 Semua **penyertaan tidak boleh dimuat naik ke mana-mana portal sebelum mendapat kebenaran penganjur, sekiranya didapati berlaku penyertaan akan dibatalkan.**
- 3.12 Setiap hasil karya juga mestilah tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan video.
- 3.13 Penyertaan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ diciplak.
- 3.14 Peserta perlu memuatnaik video yang ingin dipertandingkan ke alamat emel:
krmjoh2019@gmail.com
- 3.15 Pastikan semua muzik yang digunakan berstatus bebas royalti. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hak cipta.
- 3.16 Pastikan semua gambar individu/ imej yang diguna perlu mendapat persetujuan bertulis dengan melengkapkan Borang Persetujuan Menggunakan Gambar/ Imej Individu (rujuk borang persetujuan).
- 3.17 Peserta hendaklah menyediakan sinopsis atau ringkasan isi kandungan video. Format sinopsis/ ringkasan adalah menggunakan jenis font arial, saiz tulisan 11 dan single spacing (rujuk borang sinopsis).
- 3.18 Sebarang pelanggaran syarat-syarat di atas akan membatalkan penyertaan.
- 3.19 Sijil Penyertaan hanya diberikan kepada peserta yang menghantar penyertaan lengkap dan memenuhi syarat sahaja.

4. TUNTUTAN HAK CIPTA

- 4.1 Jabatan Pendidikan Negeri Johor memiliki hak cipta sepenuhnya terhadap hasil karya yang dihasilkan.

5. PENILAIAN PERTANDINGAN

01 - 15 Julai 2019 (Penilaian Juri Peringkat Daerah)
16 - 31 Julai 2019 (Penilaian Juri Peringkat Negeri)

6. KEPUTUSAN PERTANDINGAN

- 6.1 Setiap karya akan dinilai keaslian, isi kandungan, konsep dan kreativiti serta kualiti produksi oleh panel juri yang dilantik oleh pihak penganjur.
6.2 Keputusan panel juri adalah muktamad. Sebarang rayuan dan bantahan tidak akan dipertimbangkan.

7. HADIAH

7.1 Bagi setiap kategori (Kategori I, II dan III) adalah seperti berikut:

Hadiah Tempat Pertama : Wang tunai, piala dan sijil penghargaan
Hadiah Tempat Kedua : Wang tunai, piala dan sijil penghargaan
Hadiah Tempat Ketiga : Wang tunai, piala dan sijil penghargaan
Saguhati : 2 hadiah saguhati bagi setiap kategori

Untuk pertanyaan/ keterangan lanjut, sila hubungi:

**SEKRETARIAT
PERTANDINGAN VIDEO PENDEK
“ASPIRASI KARAKTER MURID JOHOR (KrMJ)”
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI JOHOR 2019
UNIT HAL EHWAL MURID
SEKTOR PEMBANGUNAN KEMANUSIAAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR
07-2310000/07-2311490**